



PANDUAN KONVOKESYEN UC TATI

KALI KE-26 TAHUN **2026**



1.0 SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN

Bil	Perkara	Semakan
1.1	Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen	Google Form: https://forms.cloud.microsoft/r/13Hk62kg6T Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: JPAK (09-8601055/58)
1.2	Surat Jemputan Graduan	Website UCTATI > Konvokesyen Hub > Majlis Konvokesyen ke-26
1.3	Yuran Hadir Konvokesyen: - Ijazah Sarjana (Master)/ Ijazah Sarjana Muda/ Diploma (RM350.00) Tidak Hadir Konvokesyen: - Ijazah Sarjana (Master)/ Ijazah Sarjana Muda/ Diploma (RM150.00 - Folder, Transkrip & Skrol)	Rujuk Lampiran Kaedah Bayaran Yuran Konvokesyen
1.4	Graduan DIWAJIBKAN hadir mengikuti sesi RAPTAI PENUH sebelum majlis Konvokesyen	9 Oktober 2026 (Jumaat) jam 3.00 petang. Pastikan graduan memakai pakaian sopan seperti mana yang telah ditetapkan oleh UCTATI.
1.5	Graduan dikehendaki mengisi pengesahan status terkini graduan (disertakan di dalam pengesahan kehadiran Majlis Konvokesyen) dan Borang Pendaftaran Graduan (<i>Graduate Registration Form</i>). Seterusnya mencetak Borang Pendaftaran Graduan untuk dikemukakan semasa proses pengambilan jubah. Graduan dikehendaki menyerahkan Borang Pendaftaran Graduan dan dokumen berkaitan semasa mengambil jubah.	** Akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai JHEPA: Cik Siti A'isyah binti Mohammad (09-8601109).
1.6	Jadual Pengambilan/Pemulangan Set Jubah (Jubah/Mortar Board/Hoods):	Graduan DIKEHENDAKI mengemukakan dokumen berikut semasa pengambilan Jubah Konvokesyen: - Borang Set Jubah Konvokesyen. - Resit/Slip bayaran yuran konvokesyen. - Borang Pendaftaran Graduan (<i>Graduate Registration Form</i>).

Perkara	Tarikh	Masa	Venue
Pengambilan	8 Oktober 2026 (Khamis) & 9 Oktober 2026 (Jumaat)	9.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.30 petang – 4.30 petang	Bilik Jubah (Aras bawah, Bangunan FTK, Kimia)
Pemulangan	10 Oktober 2026 (Sabtu)	Selepas Majlis Konvokesyen – 3.00 petang	
	11 Oktober 2026 (Ahad)	9.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang – 4.30 petang	
12 Oktober 2026 dan seterusnya (Tarikh bermula denda lewat hantar jubah) rujuk perkara 3.1		Waktu Pejabat 8.30 pagi – 4.30 petang 1.00 petang – 2.00 petang (Rehat)	Jab Pengurusan Akademik (JPAK)

2.0 SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN

Bil	Perkara	Semakan
2.1	Graduan	a. Pendaftaran graduan di perkarangan Dewan Canselor pada 10 Oktober 2026 sebelum 8.00 pagi. b. Ambil kad pengesahan graduan untuk digunakan semasa naik ke pentas. c. Sentiasa berada dalam susunan program masing-masing bagi perarakan graduan masuk ke Dewan Canselor. d. DILARANG membawa beg tangan, kamera, telefon bimbit, tablet atau pelbagai peralatan teknologi maklumat dan makanan serta minuman masuk ke Dewan. e. Penganugerahan PhD, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma akan disempurnakan oleh Canselor. f. Apabila nama graduan diumumkan, graduan diminta berjalan terus ke arah Canselor, tunduk sebagai tanda hormat dan menerima Album Sijil dengan kedua-dua belah tangan dan mengucapkan “TERIMA KASIH TUN / TAN SRI / DATUK / PROFESSOR”. <i>Graduan adalah DILARANG melakukan perkara-perkara berikut semasa di atas pentas:</i> g. <i>Menundukkan badan secara melampau semasa tunduk hormat.</i> h. <i>Berjabat tangan dengan penyampai sijil anugerah / tetamu.</i> i. <i>Melambai-lambaikan tangan.</i> j. <i>Menghayun folder sijil ketika berjalan turun pentas.</i> k. <i>“Selfie” dan lain-lain perbuatan yang boleh mengganggu keharmonian majlis.</i>

3.0 SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN

Bil	Perkara	Semakan															
3.1	Gagal memulangkan Jubah	a. Denda (Caj lewat) RM10.00 per hari bermula pada 12 hingga 19 Oktober 2026 (termasuk hari cuti), selepas pada tarikh diatas caj penuh dikenakan. b. Pihak UC TATI berhak mengambil tindakan undang-undang sekiranya graduan gagal memulangkan. c. Skrol Akademik dan Transkrip Akademik graduan akan ditahan.															
3.2	Set Jubah - Rosak/Hilang/Lewat	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th><th>Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda</th><th>Diploma</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jubah</td><td>RM700.00</td><td>RM650.00</td></tr> <tr> <td>Mortar Board</td><td>RM100.00</td><td>RM100.00</td></tr> <tr> <td>Hoods</td><td>RM100.00</td><td>-</td></tr> <tr> <td>JUMLAH</td><td>RM900.00</td><td>RM750.00</td></tr> </tbody> </table>	Perkara	Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jubah	RM700.00	RM650.00	Mortar Board	RM100.00	RM100.00	Hoods	RM100.00	-	JUMLAH	RM900.00	RM750.00
Perkara	Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda	Diploma															
Jubah	RM700.00	RM650.00															
Mortar Board	RM100.00	RM100.00															
Hoods	RM100.00	-															
JUMLAH	RM900.00	RM750.00															
3.3	Tuntutan Skrol/Transkrip: Sila bawa bersama Borang Pemulangan Jubah & Borang Pelepasan Skrol/Transkrip yang telah lengkap ke Kaunter JPAK.	<u>** 10 Oktober 2026 (Sabtu), 2.00 petang – 3.00 petang sahaja.</u> <u>Hari Bekerja biasa:</u> Ahad – Rabu (8.30 pagi – 4.30 petang) Khamis (8.30 pagi – 3.00 petang)															
3.4	Skrol/Transkrip (Pos)	Caj Pos: RM 10.00 (Semenanjung) RM 12.00 (Sabah/Sarawak)															
3.5	Skrol/Transkrip (Wakil)	Borang Wakil/kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan															

4.0 SYARAT PENGANUGERAHAN

Pelajar hanya layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma setelah syarat-syarat berikut dipenuhi: -

- Lulus semua kursus yang telah disyaratkan bagi program berkenaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Mencapai **PNGK** sekurang-kurangnya **2.00**.
- Melengkapkan jumlah kredit yang telah ditetapkan bagi program berkenaan.
- Memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh Senat.

5.0 KELAS IJAZAH

Kelas Ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian PNGK/CGPA akhir: -

PNGK/CGPA	(KELAS IJAZAH) PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA
3.70 – 4.00	Kepujian Kelas Pertama
3.00 – 3.69	Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)
2.50 – 2.99	Kepujian Kelas Kedua (Rendah)
2.00 – 2.49	Kepujian Kelas Ketiga

6.0

PERATURAN MASUK DEWAN IBUBAPA

Bil	Perkara	Semakan
6.1	Graduan - dua (2) orang tetamu/Pelekat Kenderaan	Kad Jemputan di Kaunter Pengambilan Jubah Konvokesyen
6.2	Ibu bapa/tetamu	a. Sila bawa bersama Kad Jemputan b. Sila Patuhi Kod Etika Protokol Berpakaian untuk majlis-majlis rasmi. c. Kanak - kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan. d. Mengambil tempat duduk di dalam dewan 45 minit sebelum majlis bermula. e. Berada di tempat duduk sepanjang majlis berlangsung dan KEWAJARAN menghormati keharmonian perjalanan majlis. f. Penggunaan peralatan seperti telefon bimbit, kamera, perakam video, tablet atau peranti yang berbentuk rakaman adalah TIDAK DIBENARKAN untuk merakam perjalanan majlis. g. Telefon bimbit hendaklah DIMATIKAN atau berada dalam keadaan "Silent Mode". h. Makanan dan minuman TIDAK DIBENARKAN dibawa masuk ke dalam dewan kecuali ubat-ubatan persendirian.

7.0 PERATURAN BERPAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN

7.1 Graduan Lelaki: -

- 7.1.1 Graduan **DIWAJIBKAN** memakai Jubah Akademik Graduan
- 7.1.2 Graduan dimestikan memakai "Lounge Suit" berwarna hitam/biru gelap beserta tali leher **ATAU** sepasang Baju Melayu berwarna gelap/biru gelap dan bersampin.
- 7.1.3 Kasut jenis kasut formal (pejabat) berwarna hitam serta stoking warna hitam/gelap.
- 7.1.4 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas serta tidak mencecah kolar baju. Graduan berambut panjang adalah **DILARANG** menyertai majlis konvokesyen.

7.2 Graduan Wanita: -

7.2.1 Graduan **DIWAJIBKAN** memakai Jubah Akademik Graduan.

7.2.2 Graduan wanita hendaklah berpakaian sopan dan sesuai dengan majlis rasmi dengan kriteria berikut: -

- i. Baju kurung moden/labuh atau kebaya bandung/labuh. Kebaya Sarung tanpa menggunakan belah (split) di tepi tetapi boleh memakai lipatan (pleat) di bahagian hadapan; atau Skirt labuh melepasi buku lali yang berwarna hitam dan blaus yang berlengan panjang. (Warna blaus adalah bebas).
- ii. Kain pakaian jenis lace boleh dipakai dengan syarat mempunyai lining.
- iii. Warna pakaian adalah pilihan sendiri.
- iv. Bagi graduan yang memakai tudung/mini telekung, warna bagi tudung tersebut adalah bebas.
- v. Kasut bertutup penuh dan bertumit. Kasut sarung (sandal) tidak dibenarkan sama sekali.

JIKA GRADUAN GAGAL MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK PETUGAS MAJLIS KONVOKEYEN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MEMASUKI DEWAN DAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKEYEN UC TATI.

8.0 KHIDMAT GAMBAR KONVOKEYEN RASMI YANG DILANTIK OLEH KOLEJ UNIVERSITI

Gambar Graduan

- a. Pihak UC TATI bertanggungjawab menyediakan khidmat rakaman gambar konvokesyen (**STAGE PHOTOGRAPHY**) secara rasmi dengan melantik satu syarikat yang menyediakan khidmat rakaman gambar, hasil cetakan gambar dan menyerahkan/mengedarkan pakej gambar berwarna dengan saiz berikut: -
 - i. 1 keping gambar bersaiz 11R
 - ii. 1 keping gambar bersaiz 8R
 - iii. 1 keping gambar bersaiz 5R
 - iv. 1 unit CD gambar
- b. **Empat (4)** perkara di atas merupakan satu set lengkap pakej gambar yang akan diperolehi oleh setiap Graduan yang hadir dalam majlis konvokesyen sahaja dan termasuk dalam yuran konvokesyen.
- c. Graduan, ibubapa, tetamu atau pengiring graduan adalah **DILARANG** mengambil gambar semasa majlis konvokesyen sedang berlangsung.

- d. Pihak UC TATI tidak bertanggungjawab sekiranya graduan memilih khidmat syarikat lain yang bukan dilantik rasmi dan segala kerugian/kualiti atau apa-apa kesulitan adalah tanggungjawab graduan itu sendiri.

9.0 GRADUAN STATUS KELAINAN UPAYA

- 9.1 Graduan berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berkeadaan cacat anggota kaki atau menyukarkan pergerakan adalah disarankan untuk membawa kerusi roda milik persendirian. Sila berhubung dengan Petugas Konvokesyen sekiranya memerlukan bantuan ketika sepanjang istiadat konvokesyen berlangsung.

10.0 KUASA KOLEJ UNIVERSITI

- 10.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai majlis konvokesyen ini.

11.0 HAL – HAL LAIN

- 11.1 Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen, sila hubungi Jabatan Pengurusan Akademik (JPAK) di talian: 09-8601054/1058 @ e-mel: JPAK_UPG@uctati.edu.my